

## **Pantau kenderaan berat langgar peraturan**

---

KUALA LUMPUR: Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ) sentiasa menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan terhadap pemandu kenderaan berat yang melanggar peraturan jalan raya termasuk membawa lebih muatan hingga mengundang kemalangan.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Aziz Kaprawi berkata, biarpun statistik menunjukkan punca utama kemalangan jalan raya di Malaysia disebabkan kecuaiannya pengguna jalan raya, tidak dinafikan kenderaan berat juga menyumbang masalah itu.

“JPJ sentiasa pantau kenderaan berat yang melebihi muatan tidak ikut peraturan dan ia akan mudah membabitkan kemalangan. “Selain itu, kenderaan berat seperti lori ini perlu diurus penjagaan supaya sistem brek tidak luar kawalan dan tayar yang digunakan menepati Sirim,” katanya ketika menjawab soalan tambahan Idris Ahmad (PAS – Bukit Gantang), pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Idris mahu tahu apakah tindakan drastik kementerian dalam mengatasi kemalangan yang berpunca daripada pemandu kenderaan berat seperti bas dan lori yang tiada sivil.

Sementara itu, menjawab soalan utama Datuk Hasbullah Osman (BN – Gerik), Aziz berkata, pelbagai program dilaksanakan JPJ bagi meningkatkan hubungan mesra agensi itu dengan pengguna jalan raya dan kelab pemotoran di negara ini.

Beliau berkata, pada masa sama, program dilaksanakan itu juga bertujuan mendidik masyarakat dan ahli kelab pemotoran supaya lebih berdisiplin di jalan raya sekali gus membendung peningkatan kadar kemalangan.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 30 | 22 MAC 2018**